

Jenis Akhbar : Harian Metro Online
Tarikh : 07/11/2023
Edisi / Muka Surat : www.hmetro.com.my
Tajuk : Sasar Capai Perolehan RM500 Juta

Sasar Capai Perolehan RM500 Juta



KOPERASI sekolah memainkan peranan besar dalam pembangunan sahsiah dan jati diri pelajar.

- 7 November 2023 @ 8:17am

Kuala Lumpur: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) yakin gerakan koperasi sekolah mampu mencapai perolehan RM500 juta pada tahun ini berikutan landskap ekonomi yang semakin memulih daripada pandemik Covid-19.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya yakin jumlah itu dapat dicapai kerana gerakan koperasi sekolah memainkan peranan besar dalam pembangunan sahsiah dan jati diri pelajar selain meneroka potensi keusahawanan dalam diri mereka untuk mendepani cabaran dunia baharu selepas tamat persekolahan.

Katanya, sehingga Disember 2022, ada 2,481 koperasi sekolah yang berdaftar dengan keanggotaan berjumlah dua juta orang.

"Berdasarkan data, gerakan koperasi sekolah juga mempunyai modal saham dan yuran terkumpul sebanyak RM29.9 juta dengan aset berjumlah RM439.02 juta serta perolehan mencecah RM298.76 juta.

"Pencapaian terbabit petanda jelas bahawa usaha Angkasa bersama pemegang taruh yang lain untuk menyemai benih keusahawanan seawal usia persekolahan sudah mula menampakkan hasil.

"Usaha ini juga selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, fokus koperasi sekolah bukan sahaja dari segi sumbangan perolehan, tetapi juga kepada penjanaan modal insan yang mampu berdikari, mempunyai ciri usahawan dan kepemimpinan tinggi serta mampu mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat selari dengan prinsip yang diamalkan oleh gerakan koperasi.

"Angkasa yakin melalui koperasi sekolah, pelajar akan diasah bakat mereka bukan sahaja dari segi kepimpinan dan keterampilan, malah mampu menyediakan platform pelapis keusahawanan sejajar dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia Negara Keusahawanan Unggul menjelang 2030 seperti yang terkandung dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2023 (DKN2030)," katanya.

Sementara itu, dalam kenyataan sama, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Datuk Pkharuddin Ghazali berkata, perkara itu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berpaksikan kepada melahirkan modal insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelek.

"Dengan keanggotaan melebihi dua juta, saya percaya gerakan ini bukan sahaja mampu membantu kerajaan mengatasi kos sara hidup, malah turut menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Pendidikan di Malaysia adalah usaha berterusan ke arah melahirkan anak bangsa yang seimbang dalam kurikulum serta kokurikulum.

"Justeru, koperasi sekolah adalah wadah yang tepat bagi anak-anak ini untuk mempelajari selok-belok keusahawan demi kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara," katanya.